

DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SHAH ALAM

DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

GUAMAN NO: BA-A52NCvC-554-10/2020

ANTARA

MAPLE STEEL SDN BHD

(Company No: 789090-H)

....PLAINTIF

DAN

BINA MAHIR SDN. BHD.

(Company No: 198801005217 (172574-A))

....DEFENDAN

PENGHAKIMAN

Pendahuluan

1. Plaintiff is a private limited company registered in Malaysia under the Companies Act 1967 and has its business address at No. 2, Jalan Kenari 10, Bandar Puchong Jaya, 47100 Puchong, Selangor.
2. Defendant is also a private limited company registered in Malaysia under the Companies Act 1967 and has its registered address and business address at No. 34A & B, Jalan SS15/4, 47500 Subang Jaya, Selangor.
3. Defendant has successfully obtained projects from Jabatan Kerja Raya ("JKR") as the main contractor for the construction of Tempat Letak Kereta Bertingkat (Park N Ride) and Menaiktaraf Bangunan



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Stesen Komuter Klang Sedia Ada Serta Prasarana Di Jalan Raya Timur Di Bandar Klang, Selangor.

4. Melalui Letter of Award bertarikh 20.12.2018, defendant telah melantik plaintif sebagai sub-kontraktor untuk membekal dan memasang aluminium *sun louvers* dan aluminium *box louvers* untuk projek JKR tersebut dengan nilai kontrak sebanyak RM677,887.20 mengikut terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam surat lantikan tersebut.
5. Tempoh masa yang ditetapkan untuk plaintif menyiapkan kerja-kerja di bawah sub-kontrak tersebut adalah dalam tempoh 2.5 bulan bermula dari tarikh Letter of Award pada 20.12.2018. Plaintiff menyatakan bahawa plaintif telah membekal, memasang dan menyiapkan kerja-kerja tersebut mengikut terma-terma yang terkandung di dalam Letter of Award tersebut.
6. Plaintiff menyatakan bahawa melalui pemeriksaan bersama pada 28.8.2019 dan 30.10.2019, defendant telah bersetuju dengan nilai jumlah kerja yang telah disiapkan oleh plaintif namun defendant enggan memberi penyata bayaran progress terakhir mengikut deraf penyata bayaran progress bertarikh 26.11.2019 atau membayar plaintiff jumlah sebanyak RM216,018.72 iaitu nilai jumlah kerja yang disiapkan oleh plaintif.
7. Plaintiff melalui peguamcaranya Tetuan Mustafa Ling & Co. telah menghantar surat tuntutan bertarikh 18.8.2020 menuntut defendant membayar jumlah tertunggak sebanyak RM216,018.72



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

namun sehingga hari ini defendant enggan atau gagal membayar jumlah tersebut atau sebahagiannya.

8. Defendant dalam pembelaan dan tuntutan balas menyatakan bahawa plaintiff gagal menyiapkan kerja-kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu pada 11.4.2019 dan plaintiff hanya menyiapkannya pada 30.10.2019. Oleh itu terdapat kelewatan selama 202 hari oleh plaintiff dalam menyiapkan kerja-kerja di bawah sub-kontrak tersebut.

9. Memandangkan terdapat kelewatan oleh plaintiff selama 202 hari dalam menyiapkan kerja-kerja tersebut, defendant berhak mengenakan *Liquidated and Ascertained Damages* (“LAD”) terhadap plaintiff sebanyak RM1,000.00 sehari berjumlah RM202,000.00.

10. Defendant seterusnya menyatakan bahawa tuntutan plaintiff adalah sebanyak RM216,018.72 dan tuntutan balas defendant adalah sebanyak RM202,000.00 dan selepas *set-off*, defendant hanya bertanggungan untuk membayar kepada plaintiff bayaran terakhir sebanyak RM14,018.72.00 sahaja.

11. Semasa perbicaraan, plaintiff telah memanggil seorang saksi plaintiff iaitu Shieh Yu Hui (SP1) untuk memberi keterangan. Defendant pula memanggil seorang saksi defendant iaitu Mohd Firdaus Ali (SD1) untuk memberi keterangan.

12. Berdasarkan kepada fakta kes, isu-isu yang harus diputuskan oleh Mahkamah adalah seperti berikut:



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- (a) sama ada plaintif telah menyiapkan kerja-kerja di bawah sub-kontrak dan berhak kepada tuntutan plaintif berjumlah RM216,000.00?
- (b) sama ada defendan berjaya membuktikan tuntutan balas defendan untuk jumlah sebanyak RM202,000 dan hanya perlu membayar kepada plaintif sebanyak RM14,000.00 sahaja?

KEPUTUSAN MAHKAMAH

Sama ada plaintif telah menyiapkan kerja-kerja di bawah sub-kontrak dan berhak kepada tuntutan plaintif berjumlah RM216,000.00?

13. Fakta menunjukkan bahawa defendan telah mengeluarkan 4 penyata bayaran progres kepada plaintif seperti berikut:

- a. penyata bayaran progres no. 1 berjumlah RM59,012.06
- b. penyata bayaran progres no. 2 berjumlah RM34,674.16
- c. penyata bayaran progres no. 3 berjumlah RM75,388.32
- d. penyata bayaran progres no 4 berjumlah RM129,199.50

14. Satu mesyuarat telah diadakan di antara plaintif dan defendan pada 14.8.2019 di mana telah dipersetujui, antaranya, bahawa plaintif perlu menyiapkan semua kerja-kerja termasuk penggantian semua c-klip yang rosak pada atau sebelum 25.8.2019.



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

15. Plaintiff menyatakan bahawa plaintiff telah menyiapkan semua kerja-kerja tersebut serta menganti semua c-klip yang telah rosak pada 25.8.2019 dan satu pemeriksaan bersama telah diadakan pada 28.8.2019 dan 30.10.2019.

16. Pada 26.11.2019 plaintiff telah menerima satu deraf penyata bayaran progres bertarikh 26.11.2019 daripada defendant di mana nilai kerja yang dipersetujui dinyatakan di dalam deraf penyata bayaran progres tersebut sebanyak RM216,018.72.

17. Plaintiff berhujah bahawa walaupun defendant telah bersetuju dengan nilai jumlah kerja yang disiapkan oleh plaintiff sebanyak RM216,018.72 berdasarkan pemeriksaan bersama pada 28.8.2019 dan 30.10.2019 tetapi defendant enggan membuat pembayaran untuk jumlah tersebut.

18. Keengganan defendant untuk membayar RM216,018.72 adalah kerana defendant berpendirian bahawa terdapat LAD dikenakan terhadap plaintiff kerana kelewatan selama 202 hari dan setelah *set-off*, defendant hanya perlu membayar sebanyak RM14,018.72 sahaja kepada plaintiff sebagai bayaran terakhir.

19. Berkenaan dakwaan defendant bahawa terdapat kelewatan selama 202 hari oleh plaintiff dalam menyiapkan kerja-kerja, plaintiff menyatakan bahawa defendant telah memberikan perlanjutan masa untuk plaintiff menyiapkan kerja-kerja di bawah sub-kontrak tersebut:

- a. perlanjutan masa pertama untuk menyiapkan Ramp 1 pada 5.8.2019 and Ramp 2 pada 16.8.2019



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

b. perlanjutan masa kedua untuk menyiapkan semua baki kerja pada 25.8.2019

20. Defendan walau bagaimanapun menafikan terdapat surat perlanjutan masa diberikan kepada plaintif tetapi sebaliknya surat tersebut adalah surat amaran kepada plaintif kerana plaintif hanya menyiapkan 50% kerja-kerja dan hanya terdapat 3 hingga 4 orang pekerjaan sahaja di tempat pembinaan.

21. Defendan juga menyatakan bahawa plaintif telah dimaklumkan tentang kecacatan dalam kerja-kerja plaintif melalui surat-surat defendant bertarikh 21.5.2019 and 1.8.2019 dan melalui pesanan *Whatsapp* bertarikh 29.10.2019, 30.10.2019, 31.10.2019 dan 16.12.2019.

22. Plaintiff pula menyatakan kecacatan kerja tidak boleh diambil kira untuk mengenakan LAD manakala defendant pula menyatakan kecacatan kerja berlaku semasa tempoh kontrak dan plaintiff sepatutnya menyiapkan kerja-kerja pada 11.4.2019 tetapi plaintiff hanya menyiapkannya pada 30.10.2019 dengan kelewatan selama 202 hari.

23. Semasa perbicaraan, defendant telah mengemukakan keterangan di Mahkamah bahawa defendant telah dikenakan LAD oleh JKR atas kelewatan menyiapkan kerja-kerja. Tetapi plaintiff berhujah bahawa tiada bukti yang menunjukkan bahawa LAD yang dikenakan oleh JKR terhadap defendant sebagai kontraktor utama adalah disebabkan oleh kelewatan plaintiff.



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

24. Saksi defendan sendiri iaitu SD1 telah mengesahkan semasa pemeriksaan balas bahawa kerja-kerja plaintiff telah disiapkan pada 31.10.2019.

25. Dalam tuntutan balas, defendan menyatakan bahawa tarikh untuk plaintiff menyiapkan kerja-kerja di bawah sub-kontrak adalah pada 11.4.2019 manakala plaintiff menyatakan bahawa berdasarkan Letter of Award, plaintiff mesti menyiapkan kerja-kerja pada 4.3.2019.

26. Sama ada tarikh menyiapkan kerja-kerja adalah pada 4.3.2019 atau 11.4.2019, apa yang penting adalah sama ada "*time is of essence in relation to the completion of the works pursuant to the terms of the Letter of Award*".

27. S.56 (3) Akta Kontrak 1956 memperuntukkan seperti berikut:

Effect of acceptance of performance at time other than that agreed upon
(3) If, in case of a contract voidable on account of the promisor's failure to perform his promise at the time agreed, the promisee accepts performance of the promise at any time other than that agreed, the promisee cannot claim compensation for any loss occasioned by the non-performance of the promise at the time agreed, unless, at the time of the acceptance, he gives notice to the promisor of his intention to do so.

28. Untuk menentukan sama ada "*time is of the essence in relation to the completion date*", fakta berikut adalah penting:

- (i) bahawa defendan telah membenarkan perlanjutan masa sebanyak 2 kali;



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

(ii) defendan telah membenarkan plaintif menyiapkan kerja-kerja dan defendan turut membuat sebahagian pembayaran tanpa membangkit apa-apa isu berkenaan LAD.

29. Dalam surat perlanjutan masa oleh defendan, defendan telah memaklumkan kepada plaintif bahawa jika plaintif gagal untuk menyiapkan kerja-kerja Ramp No. 1 and Ramp No. 2 berdasarkan tarikh lanjutan masa yang ditetapkan oleh defendan, maka defendan akan menggunapakai klaus 7 dan 15 Letter of Award.

30. Surat defendan bertarikh 1.8.2019 menyatakan seperti berikut:

5. Once again, please be reminded that if you are unable to complete the box louvers installation for ramp no.1 by 5th August 2019 and ramp no.2 by 16th August 2019, we shall then exercise Clause No. 7 and 15 in accordance to your Letter of Award Ref. BMSB/7128/18(LA) dated 20th December 2018 without further notice.

15. In the case that you cannot perform to our satisfaction, in term of quality, workmanship and progress (delayed by more than 20%) we shall terminate your contract and engage another subcontractor to complete the remaining works. Any extra cost incurred will be borne by you.

31. Klaus 7 dan 15 Letter of Award menyatakan seperti berikut:

7. 'Liquidated and Ascertained Damages (LAD) RM 1,000.00 (Ringgit Malaysia: One Thousand Only) per day to be imposed in the event of failure to complete in time, unless with valid good reason.

32. Oleh itu adalah jelas bahawa surat defendan bertarikh 1.8.2019 adalah surat perlanjutan masa walaupun defendan menafikannya kerana defendan tidak menamatkan kerja-kerja plaintif sedangkan berdasarkan Letter of Award, tarikh plaintif perlu menyiapkan kerja-kerja adalah pada 4.3.2019 atau pada 11.4.2019.



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

33. Malahan, defendant telah membenarkan plaintif meneruskan kerja-kerja selepas tempoh masa menyiapkan kerja-kerja tamat dan turut membuat pembayaran sebanyak RM59,012.06 pada 14.6.2019, RM34,674.16 pada 27.07.2019, RM75,388.32 pada 20.8.2019 dan RM129,199.50 pada 29.10.2019

34. Dalam kes **Hock Huat Iron Foundry (Suing As A Firm) v Naga Tembaga Sdn Bhd** [1999] 1 MLJ 65 Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

Since the defendant did not rescind the contract under s 56(1) of the Contracts Act 1950 when the plaintiff failed to complete on 31 January 1981 but instead had allowed the completion date to pass and had even allowed the plaintiff to remedy his default by permitting him to continue to work on the project until it was wholly completed, time was no longer to be regarded as of the essence of the contract. And when time is no longer of the essence of the contract, s 56(1) (which is only applicable to cases where the parties to the contract have intended that time is essential) no longer applies.

35. Dalam kes **Berjaya Times Squares Sdn Bhd (formerly known as Berjaya Ditan Sdn Bhd) v M Concept Sdn Bhd** [2010] 1 MLJ 597 Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

[45] There is alternative ground for holding that time is not of the essence. It is this. The respondent, though it had the right to put an end to the contract when the appellant failed to deliver the unit within the stipulated time, did not do so. Instead, it continued making payments and negotiating for delivery. The respondent's conduct certainly points to the conclusion that even if time was of the essence when the contract was made (speaking advisedly) it ceased to be of the essence.



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

36. Dalam kes *Baja Niaga Sdn Bhd v Felcra Niaga Sdn Bhd* [2022] Mahkamah Tinggi memutuskan seperti berikut:

[65] My first point of reference will have to be the Defendants pleaded defence and counterclaim. In essence, they plead that the Plaintiff had failed to deliver the goods in accordance with the PO's and the delivery schedule annexed to the impugned agreement. It is further pleaded that since the Plaintiff failed to adhere to such delivery schedule and delayed, they are entitled to a penalty of RM25 for each metric ton per day of delay

[91] Even if there was a delay in delivery, the evidence reveals that the Defendant did not reject the Goods and had accepted all the Goods without any protests and/or reservation. There was also no complaint of any delay by the Defendant. This in my view, amounts to acquiescence on the Defendant's part.

[93] The Defendant's acceptance of the Goods therefore shows that time under KFN002/2018 had become at large. This is true whether the Impugned Timetable (which the Plaintiff denies) or the POs are applicable.[96] As such, if there was indeed any delay, the Defendant was then presented with the option to terminate and claim damages from the Plaintiff. This is neither the Defendant's pleaded case, nor was there any evidence to this effect. Instead, Defendant had affirmed KFN002/2018. In this regard, the Defendant had allowed the Plaintiff to continue delivery of the Goods. DW7 confirmed this position during trial.

37. Berdasarkan kepada kes-kes yang dirujuk di atas, adalah jelas bahawa prinsip undang-undang adalah seperti berikut:

- a. A party may rescind a contract under s 56(1) of the Contracts Act 1950 when the other fails to adhere to the term to perform the contract within a stipulated time.
- b. when the party entitled to rescind the contract does not do so, but instead:
 - i. allows the completion date to pass;



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- ii. permit the other party to continue to work until it was wholly completed;
- iii. continues to make payments;
- iv. time ceases to be of the essence of the contract.

38. Memandangkan defendan dalam kes sekarang telah membenarkan plaintif meneruskan kerja-kerja walaupun tempoh masa telah tamat dan defendan terus membuat pembayaran kepada plaintif, ini menunjukkan bahawa masa bukan lagi pati kepada kontrak dan perlanjutan masa telah diberikan kepada plaintif untuk menyiapkan kerja-kerja.

39. Kerja-kerja untuk menyiapkan Ramp No. 1 telah disempurnakan pada 9.8.2019 dan tiada isu dibangkitkan berkenaan Ramp No. 1 walaupun terdapat kelewatan selama 4 hari.

40. Perlanjutan masa juga diberikan untuk kali kedua kepada tarikh 25.8.2019 hasil daripada mesyuarat yang diadakan antara wakil plaintif dan defendant pada 14.8.2019. Minit mesyuarat tersebut disediakan oleh saksi defendant, SD1, dan disahkan oleh Puan Sri Zainab Binti Mohamed Amin bagi pihak defendant.

41. Saksi defendant (SD1) juga mengesahkan semasa pemeriksaan balas bahawa isu LAD langsung tidak dibangkitkan oleh defendant semasa mesyuarat pada 4.8.2019 dan plaintif tidak dimaklumkan oleh defendant sebarang niat untuk mengenakan LAD terhadap plaintif.

42. Oleh itu, tiada bukti yang menunjukkan bahawa defendant mempunyai niat untuk mengenakan LAD sebelum ini tetapi isu LSAD hanya timbul apabila plaintif memfailkan tindakan ini terhadap defendant.



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

43. Semasa perbicaraan, defendant telah mengemukakan keterangan berkenaan Perakuan Bayaran Interim oleh JKR yang menunjukkan bahawa terdapat kelewatan selama 279 hari oleh defendant dalam menyiapkan kontrak dengan JKR.

44. Semasa permeriksaan balas, saksi SD1 telah mengesahkan bahawa defendant dikehendaki menyiapkan projek JKR sekitar January 2019. Ini bermaksud bahawa semasa tapak diserahkan kepada plaintif, sudah terdapat kelewatan oleh defendant dalam menjalankan kerja-kerja.

45. SD1 semasa pemeriksaan balas, menyatakan bahawa Letter of Award menetapkan bahawa defendant perlu menyiapkan kerja-kerja dalam bulan January 2019 berdasarkan perjanjian antara defendant dan JKR.

46. SD1 juga mengesahkan semasa pemeriksaan balas bahawa defendant tidak pernah memaklumkan kepada plaintif tentang tarikh menyiapkan kerja-kerja dengan JKR dalam mana-mana bentuk komunikasi seperti melalui surat atau pesanan melalui *Whatsapp*.

47. Pada 4.6.2020 plaintif telah membuat pertanyaan kepada defendant berkenaan bayaran tertunggak oleh defendant kepada plaintif. SD1 sendiri semasa pemeriksaan balas mengesahkan bahawa defendant tidak pernah membangkitkan tentang isu LAD



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

kepada plaintif walaupun defendant telah mempunyai pengetahuan bahawa defendan telah dikenakan LAD oleh JKR.

48. SD1 dalam keterangannya menyatakan bahawa beliau telah menyediakan draft Final Statement of Progress Payment dan menghantarnya kepada plaintif pada 16.12.2019 dan SD1 tidak mengambilkira LAD dan mengesahkan jumlah terhutang kepada plaintif adalah berjumlah RM216,018.72 seperitimana tuntutan plaintif terhadap defendan dalam tindakan ini.

49. Sekiranya defendan berpendiri bahawa defendan layak untuk mengenakan LAD terhadap plaintif, secara munasabahnya defendan harus memaklumkan niat defendan untuk mengenakan LAD terhadap plaintif lebih awal dan bukannya membangkitkannya apabila telah menerima saman daripada plaintif.

50. Fakta juga menunjukkan bahawa terdapat kelewatan oleh kontraktor-kontraktor defendan dalam menyiapkan kerja-kerja defendan selaku kontraktor utama dengan JKR dan melambatkan kerja-kerja plaintif. Oleh itu, plaintif wajar dimaklumkan oleh defendan sekiranya defendan berniat untuk mengenakan LAD terhadap plaintif dan memberi peluang kepada plaintif untuk memberikan penjelasan bahawa LAD tidak wajar dikenakan terhadap plaintif.

51. Dalam tindakan ini, defendan telah memaklumkan kepada plaintif melalui email bertarikh 4.8.2020 bahawa JKR telah mengenakan LAD untuk kelewatan selama 202 hari yang berkaitan dengan skop kerja plaintif. Namun tiada bukti dikemukakan di



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Mahkamah bahawa LAD yang dikenakan oleh JKR terhadap defendan adalah berkaitan dengan kelewatan kerja-kerja plaintif.

52. Berdasarkan kepada fakta kes, Mahkamah berpendapat bahawa tuntutan balas defendan untuk LAD hanyalah *nothing more than a red herring* dan tidak mempunyai apa-apa merit..

53. Kesimpulannya, plaintif telah menyiapkan baki kerja pada 25.8.2019 iaitu tarikh perlanjutan masa kedua yang diberikan oleh defendan berdasarkan kepada keputusan mesyuarat yang diadakan antara plaintif dan defendan pada 14.8.2019.

Punca kelewatan plaintif

54. Plaintiff berujah bahawa kerja-kerja plaintiff tergendala disebabkan oleh kontraktor-kontraktor defendan. Plaintiff telah membangkitkan perkara ini beberapa kali dengan defendant.

55. Pada 22.3.2019, wakil plaintif Mr. Alex telah memaklumkan kepada defendan bahawa kerja-kerja mengecat belum disempurnakan dan oleh itu plaintif tidak dapat memasang *louvers*.

56. Plaintiff juga ada membuat aduan kepada defendant pada 28.3.2019 memandangkan plaintiff tidak dapat memasang *louvers* disebabkan oleh plaster and kerja mengecat belum siap.

57. Plaintiff juga pada 3.4.2019 telah memaklumkan kepada defendant bahawa plaintiff tidak dapat memasang *louvers* kerana platform tidak dialihkan. Pada tarikh yang sama juga engineer



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

defendan iaitu Encik Muhammad Nazmie mengarahkan plaintif supaya jangan memasang louvers kerana kerja-kerja mengecat masih berjalan dan memita plaintif tidak bergerak ke *bays* yang lain.

58. Pada 8.4.2019 plaintif juga telah memaklumkan kepada defendan bahawa plaintif tidak dapat menjalankan kerja di bay 15-16 kerana platform tidak dialihkan seperti mana yang dimaklumkan oleh plaintif seminggu sebelum itu.

59. Pada 31.5.2019 defendant telah memaklumkan kepada plaintif supaya bersiap sedia untuk pemasangan *box louvers* kerana kerja-kerja mengecat di Ramp No. 1 akan siap dalam beberapa hari. Ini menunjukkan bahawa kerja-kerja plaintif telah tertangguh sehingga 31.5.2019 disebabkan kerja-kerja mengecat di Ramp No. 1.

60. Pada 11.7.2019, plaintif juga telah memaklumkan kepada defendan bahawa plaintif menghadapi kelewatan untuk memasang c-clips disebabkan kerja-kerja mengecat yang belum selesai dan GFRC yang belum siap.

61. Saksi defendan SD1 semasa pemeriksaan balas turut mengesahkan bahawa defendan tidak memberikan respon kepada surat plaintif bertarikh 11.7.2019.

62. Melalui surat bertarikh 3.8.2019, plaintif telah memaklumkan kepada defendan bahawa plaintif tidak dapat melakukan pemasangan *box louvers* disebabkan oleh struktur *scaffolding* yang tidak sempurna dan kegagalan defendan untuk memastikan jarak



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

sebanyak 750mm antara dinding scaffolding untuk membolehkan pemasangan *louvers*.

63. Berkenaan dengan kelewatan di pihak defendant yang menjelaskan kerja-kerja plaintiff, defendant tidak mengemukakan sebarang keterangan untuk menafikan dakwaan plaintiff berkenaan kelewatan yang berlaku di pihak defendant.

64. Tetapi defendant melalui surat bertarikh 21.5.2019 mendakwa plaintiff tidak menjalankan kerja-kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan berkaitan pemasangan di Grid E. Plaintiff telah menjawab melalui surat bertarikh 27.5.2019 bahawa kelewatan yang berlaku adalah disebabkan oleh kegagalan defendant menyerahkan tapak dan tapak tidak bersedia.

65. Wakil defendant iaitu En. Kamal telah mengesahkan melalui pesanan *Whatsapp* bertarikh 31.5.2019 bahawa kerja-kerja mengecat di Ramp 1 akan disiapkan kurang daripada seminggu dari 31.5.2019 dan meminta plaintiff supaya bersedia untuk kerja-kerja pemasangan.

66. Oleh itu adalah jelas bahawa kelewatan dalam pemasang Grid E di Ramp 1 bukan disebabkan oleh plaintiff.

67. Defendant juga gagal membidas keterangan defendant yang mengesahkan bahawa kerja-kerja plaintiff terjejas diakibatkan oleh kontraktor-kontraktor defendant. Saksi defendant SD1 juga bersetuju



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

semasa pemeriksaan balas bahawa sekiranya defendant tidak menyediakan *scaffolding*, plaintiff tidak dapat memasang *box louvers*.

68. Melalui notis bertarikh 1.8.2019 kepada plaintiff, defendant mendakwa bahawa kerja-kerja pemasangan di Ramp No. 2 tidak berjalan disebabkan oleh kekurangan bahan-bahan dan tenaga kerja di tapak. Plaintiff telah menjawab melalui surat bertarikh 3.8.2019 dan menerangkan kepada defendant bahawa bahan-bahan telah berada di tapak di Ramp 1 and Ramp 2 tetapi struktur *scaffolding* tidak lengkap di Ramp1 dan jarak antara dinding dan *scaffolding* tidak mencukupi untuk pemasangan *louvers*.

Kesimpulan

69. Mahkamah telah mendapati bahawa plaintiff telah berjaya membuktikan, atas imbangan kebarangkalian, tuntutan plaintiff terhadap defendant. Defendant sendiri sebenarnya bersetuju dengan nilai jumlah kerja yang telah disiapkan oleh plaintiff berdasarkan draf penyata bayaran progress bertarikh 26.11.2019 untuk jumlah sebanyak RM216,018.72.

70. Berkenaan tuntutan balasan defendant, Mahkamah mendapati bahawa defendant telah gagal untuk membuktikan tuntutan balas defendant terhadap plaintiff. LAD yang dikenakan oleh defendant terhadap plaintiff hanyalah satu *afterthought* dan hanya timbul sebagai menjawab tuntutan tuntutan plaintiff di Mahkamah. Sekiranya



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

LAD boleh dikenakan terhadap plaintif, sewajarnya plaintif dimaklumkan lebih awal.

71. Berdasarkan kepada alasan-alasan yang diperjelaskan di atas, Mahkamah memutuskan seperti berikut:

- a. defendan membayar kepada plaintif jumlah sebanyak RM216,018.72 yang merupakan nilai baki kerja-kerja yang telah disiapkan oleh plaintif;
- b. faedah 5% setahun atas jumlah penghakiman berjumlah RM216,018.72 bermula dari tarikh penghakiman sehingga tarikh penyelesaian penuh dan kos.
- c. berkenaan tuntutan balas defendan terhadap plaintif untuk jumlah LAD sebanyak RM202,000.00, tuntutan balas defendan ditolak dengan kos.
- d. Kos perbicaraan ini ditetapkan atas jumlah RM20,000.00 dibayar oleh defendan kepada plaintiff.

Bertarikh pada 7 haribulan April, 2023

.....t.t.....

(ISHAK BIN BAKR)

Hakim

Mahkamah Sesyen



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

Pihak-Pihak:

Terence Sia Sze Lin bersama David Chang & Anthony Hong (Tetuan
Mustafa Ling & Co.) b/p plaintif

Gunaseelan A/L Ganesan (Tetuan G Gunaseelan & Associates) b/p
defendan



S/N fNkLyyEF0WAZafwcOmGAA

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal